

Kerajaan perkenal syarat baru bendung penderaan

B/H C 21/2/2000

KERAJAAN akan memperkenalkan beberapa syarat baru berhubung pengambilan pembantu rumah asing menjelang Mac ini, bagi membandung kes penderaan.

Penolong Pengarah Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen, Tengku Mohd Amin Tuan Sulaiman berkata, kajian mengenainya sedang dijalankan dan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing pada 28 Februari ini.

Katanya, kajian menyeluruh itu termasuk meneliti syarat yang diguna pakai sekarang bagi memastikan ia memberi perlindungan sewajarnya kepada kedua-dua pihak.

"Mungkin satu syarat yang lebih ketat akan dikenakan kepada majikan yang masih berminat untuk mengambil pembantu rumah asing," katanya ketika menjadi tetamu rancangan Malaysia Hari Ini terbitan TV3 di sini, hari ini.

Tengku Mohd Amin berkata, syarat baru itu dijangka membabitkan perubahan besar berkaitan dasar dan peraturan pengambilan pembantu rumah.

Beliau berkata, perubahan itu mengambil kira laporan ramainya pembantu rumah asing meninggalkan majikan mereka kerana mendakwa didera dan dipaksa melakukan pelbagai pekerjaan yang bertentangan dengan pegangan agama.

Di **BATU GAJAH**, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, menyarankan majikan supaya tidak bergantung kepada perkhidmatan agensi pekerjaan untuk mencari pembantu rumah bagi memastikan wujud keserasian antara kedua-dua pihak.

Beliau berkata, langkah mendapatkan sendiri pembantu rumah melalui kenalan atau saluran tertentu dianggap cara terbaik bagi mengelak timbul masalah termasuk penderaan berikut-

an rasa tidak puas hati.

"Ada majikan pilih sendiri (pembantu rumah)...jumpa ibu bapa mereka.

"Sehubungan itu, komitmen yang diberi oleh pembantu rumah terbabit adalah lebih tinggi berbanding diuruskan melalui agensi pekerjaan," katanya.

Aseh berkata, pembantu rumah asing pasti memberi perkhidmatan terbaik kerana bimbang majikan akan melaporkan kepada ibu bapa mereka jika dia terbabit didapati melakukan kesalahan atau bertindak di luar batasan.

Beliau berkata, pemilihan pembantu rumah asing melalui agensi pekerjaan banyak bergantung kepada strategi pemasaran agensi terbabit dan sering kali pembantu rumah yang dipilih tidak menepati kehendak majikan.

"Sehubungan itu, jabatan menggalakkan majikan mencari sendiri pembantu rumah kerana dalam aspek lain ia



PARAH... mangsa dera, Kusiah Manijan dimasukkan ke hospital setelah didera oleh majikannya di Ipoh baru-baru ini.

dapat mengurangkan kes pembantu rumah lari daripada majikan," katanya.

Aseh berkata, setakat ini sebanyak 21,000 kes pembantu rumah lari daripada majikan direkodkan oleh jabatan daripada sejumlah 180,000 pembantu rumah asing yang berdaftar setakat ini.

"Ini membuktikan ada sesuatu yang tidak kena, mungkin tidak wujud kesesuaian antara majikan dan pembantu rumah hingga menyebabkan mereka lari meninggalkan

majikan," katanya.

Beliau berkata, perkhidmatan persidangan video jika ia disediakan oleh agensi pekerjaan juga membolehkan majikan menilai sendiri sifat dan kebolehan pembantu rumah ketika ditemuduga.

"Ada agensi yang menyediakan perkhidmatan persidangan video bagi membolehkan majikan memilih dan menilai sendiri pembantu rumah sebelum mereka ditawarkan bekerja," katanya.

Aseh berkata, majikan

yang ingin mendapatkan sendiri pembantu rumah perlu menggunakan segala sumber termasuk pergi ke negara asal serta mendapatkan kelulusan dari agensi berkaitan termasuk Jabatan Tenaga Rakyat dan Imigresen.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya menyedari kewujudan agensi pekerjaan asing yang tidak berdaftar menjalankan perkhidmatan mendapatkan pembantu rumah kepada pelanggan.

"Perlu diingat, sebelum mendaftar dengan jabatan,

agensi terbabit juga perlu mendapatkan lesen agensi pekerjaan dari Jabatan Tenaga Rakyat.

"Sehubungan itu, jika membabitkan isu agensi pekerjaan haram, jabatan itu-lah yang sepatutnya bertindak," katanya.

Aseh berkata, bagaimanapun pihaknya masih boleh bertindak jika kesalahan yang dilakukan oleh agensi pekerjaan terbabit merangkumi isu pekerja asing, melindungi mereka atau kesalahan Imigresen yang lain.